

Pemuda PAS timbul balik isu Mismah, persoal syarat jadi PR
The Malaysian Insider
September 27, 2011

KUALA LUMPUR, 27 Sept — Pemuda PAS, yang sebelum ini menimbulkan isu status Mismah menjadi pengundi negara ini lebih sebulan lalu, hari ini meminta kerajaan pusat menjelaskan sama ada dia mendapat taraf kewarganegaraan mengikut prosedur normal pada 1982.

Pemuda PAS pusat memohon penjelasan Ketua Pengarah Imigresen Datuk Alias Ahmad dan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Datin Jariah Mohd Said menjawab pertikaian berkenaan isu berkenaan.

“Pemuda PAS mohon agar Datin Jariah memberi jawapan kepada rakyat Malaysia bagaimana Mismah yang mendapat status PR (pemastautin tetap) daripada Jabatan Imigresen tidak sampai satu tahun boleh diterima sebagai warganegara Malaysia pada 31 Januari 2011.

“Bukankah Mismah sudah melanggar peraturan Jabatan Imigresen? Apakah beliau layak untuk menjadi warganegara?” kata Pengerusi Pemulihan Demokrasi dan Mobilisasi, Pemuda PAS, Suhaizan Kaiat hari ini.

Kata Suhaizan, kes Mismah ini hanyalah satu contoh dan pihaknya Pemuda PAS sangat kluatir berkenaan pemberian status PR kepada ribuan warga asing dalam negara ini.

“Pemberian hak kerakyatan kepada mereka yang tidak layak dan bertujuan untuk kepentingan parti politik tertentu adalah suatu pengkhianatan kepada negara.

“Pemuda PAS akan terus mendedahkan kepada rakyat Malaysia berkenaan manipulasi dalam pilihan raya khususnya yang berkait dengan daftar pemilih dan undi pos,” kata beliau yang juga Ketua Pemuda PAS Johor.

Katanya berdasarkan laporan akhbar bulan lalu, Mismah atau nama sebenarnya Nismah Naim, 47, berasal dari kepulauan Bawean, Indonesia.

Suaminya Mawasi Mawardi, 51, juga mendapat status PR. Mismah masuk Malaysia pada 1982 sebagai buruh binaan dan pada 17 Julai 1982 Mismah sudah mendapat status PR.

“Ini memberi maksud bahawa tidak sampai satu tahun Mismah tinggal di negara ini beliau sudah memperolehi status PR. Kes Mismah ini bertentangan dengan kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen yang menyatakan bahawa hanya suami atau isteri warga asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia berserta anak-anak berusia di bawah enam tahun dan menetap selama lima tahun berturut-turut di Malaysia layak memohon PR,” katanya lagi.

Katanya, Pemuda PAS berpendapat bahawa terdapat kemungkinan empat perkara yang bertentangan dengan peraturan Jabatan Imigresen dalam kes Mismah mendapatkan status PR iaitu Mismah bukan seorang profesional, suami Mismah bukan seorang warganegara, suami Mismah bukan seorang profesional dan Mismah hanya tinggal tidak sampai satu tahun di negara ini.

Pemuda PAS membangkitkan Misnah yang memiliki taraf PR diberikan hak menjadi pengundi.

Bagaimanapun Jabatan Pendaftaran Negara menegakkan laporan media bahawa Mismah menjadi warganegara dalam tempoh empat jam setelah mendapat taraf PR adalah tidak benar.

“Rekod menunjukkan bahawa beliau telah mendapat taraf penduduk tetap pada 17 Julai 1982. Dia telah diluluskan taraf Kewarganegaraan Malaysia pada 31 Januari 2011 di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan selepas 29 tahun memegang taraf PR,” katanya.

The Malaysian Insider

Copyright © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-pas-timbul-balik-isu-mismah-persoal-syarat-jadi-pr/>